

DTC asah pengetahuan pelajar mengenai percukaian

Petaling Jaya: Kumpulan TaxWiz dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARUC) dan pelajar Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Mah Wen Jian merangkul gelaran johan kategori berkumpulan serta individu dalam Deloitte Tax Challenge (DTC) 2015.

Kemenangan itu membolehkan kumpulan TaxWiz membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM8,000 dan Wen Jian memenangi RM3,000 dalam pertandingan anjuran Deloitte Malaysia yang masuk kali kelapan penganjurannya.

Mereka turut ditawarkan mengikuti latihan amali selain peluang memulakan kerjaya di Deloitte yang juga antara firma perkhidmatan profesional terbesar di dunia.

Deloitte Country Tax Leader, Yee Wing Peng, berkata DTC adalah pertandingan berasaskan cukai yang dimulakan pada tahun 2008 bagi menggalakkan pelajar institusi pengajian tinggi mengasah pengetahuan mengenai percukaian.

Beliau berkata, pertandingan itu juga membantu peserta memperbaiki kemahiran menulis, bercakap dan membuat pembentangan, selain meningkatkan keyakinan diri.

“Setakat ini, DTC telah melahirkan ramai bakat tempatan baharu dalam bidang percukaian, selain memberi manfaat kepada lebih 13,600 pelajar yang pernah menyertainya.

Melatih peserta

“Ini kerana DTC dirangka bagi mem-

bolehkan pelajar merasai suasana dunia pekerjaan sebenar kerana mereka perlu membangunkan sistem penyelesaian cukai menerusi kajian kes simulasi,” katanya pada

majlis penyampaian hadiah DTC 2015 di sini, baru-baru ini.

Turut hadir sama ialah Deloitte Country Managing Partner, Tan Theng Hooi dan Pengarah Penerbitan Wolters Kluwer CCH Malaysia, Sunita Nathan.

Dalam perkembangan lain, DTC 2015 yang turut mendapat kerjasama Association Of Chartered Certified Accountants (ACCA) Malaysia, Wolters Kluwer CCH dan BFM89.9 berjaya menarik penyertaan 2,667 pelajar dari 47 universiti seluruh negara.

Daripada jumlah itu, hanya 11 peserta individu dan enam kumpulan dipilih mara ke peringkat akhir.

Pada peringkat akhir, suatu bengkel khas turut diadakan bagi melatih peserta dalam aspek penyelidikan dan pembentangan yang mana kemahiran berkenaan mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka sebaik menamatkan pengajian.

Selain dua kategori yang dipertandingkan, Anugerah Pembentangan Terbaik tajaan ACCA Malaysia diberikan kepada lima peserta

iaitu Kok Ser Lin dari Universiti Sunway serta Thiban Raj Arumugam, Cheang Weizheng, Rupini Kangasothy dan Chee Jun Ning dari TARUC.

Sementara itu Anugerah Penulis Terbaik tajaan Wolters Kluwer CCH dimenangi pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Chan Fung Han.

INFO

**Pemenang
DTC 2015**

Kategori kumpulan

- **Pertama:** TaxWiz (TARUC)
 - **Kedua:** Pretty Tough
(Universiti Malaya)
 - **Ketiga:** Defender
(Sunway TES)
-

Kategori Individu

- **Pertama:** Mah Wen Jian
(UTAR)
- **Kedua:** Chee Jun Ning
(TARUC)
- **Ketiga:** Seow Hoong Lun
(Universiti Sunway)



Pemenang bergambar selepas majlis penyampaian hadiah DTC 2015 di Petaling Jaya, baru-baru ini.